



**Teks Ucapan
Datuk Bandar**

Majlis Agenda DBKU 2015

9 FEBRUARI 2015 (ISNIN)

DI ARENA DBKU, BUKIT SIOL

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Haji Adenan Bin Satem,
Ketua Menteri Sarawak serta Yang Amat Berbahagia Datin Patinggi
Dato Hajjah Jamilah Haji Anu,

Yang Berhormat Datuk Amar Abang Haji Abdul Rahman Zohari b. Tun
Datuk Abang Haji Openg, Menteri Perumahan dan Menteri Pelancongan
Sarawak serta isteri, Datin Amar Juma'ani Tuanku Bujang,

Yang Berhormat Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof,
Menteri Kerja Raya Malaysia merangkap Ahli Parlimen P194 Petra Jaya
serta isteri, Yang Berbahagia Datin Ruziah Mohd. Tahir,

Yang Berhormat Datuk Ir. Haji Daud bin Abdul Rahman, Menteri Muda
di Pejabat Ketua Menteri (Hal Ehwal Islam) dan Menteri Muda
Pembangunan Infrastruktur Sarawak merangkap Menteri
Bertanggungjawab terhadap DBKU serta isteri, YBhg. Datin Hajah
Noraini Haji Husin,

Yang Berhormat Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi bin Abdul
Ghani, Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak,

Yang Berhormat Menteri-Menteri / Menteri Muda - Menteri Muda,

Yang Berbahagia Tan Sri-Tan Sri /Puan Sri-Puan Sri/Datuk-Datuk/Datin-
Datin,

Consul General, Consulate General of the People's Republic of China in
Kuching,

Consul General, Consulate General of Brunei Darussalam,

Konsulat General, Consulate General of Indonesia,

Ketua-Ketua Jabatan, Ahli-Ahli Dewan,

Ketua-Ketua Masyarakat

Rakan-Rakan Media

Hadirin dan Hadirat yang dihormati sekalian..

1. Alhamdulillah, marilah kita memanjat kesyukuran kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan izinNya jua, maka kita dapat bersua lagi dalam Majlis Agenda DBKU 2015, pada pagi yang mulia ini.
2. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Datuk Patinggi Tan Sri Dr. Haji Adenan Satem, Ketua Menteri yang kita sanjungi, serta Yang Amat Berbahagia Datin Patinggi Dato Hajjah Jamilah Haji Anu kerana sudi buat julung kalinya hadir bersama-sama kita dalam Majlis Agenda DBKU.

Indah berseri warna pelangi;

Warnanya cantik menawan hati;

Kehadiran Datuk Patinggi dan Datin Patinggi Dato kami sanjungi;

Penyemarak semangat memantap Integriti.

Kehadiran YAB Tan Sri Datuk Patinggi serta isteri jelas menunjukkan komitmen dan sokongan YAB Datuk Patinggi serta isteri keatas usaha DBKU terutama dalam mendekati dan bermesra dengan wargakota semua. Secara langsung ianya juga menyemarakkan semangat kami, warga DBKU, untuk terus berusaha mencapai Visi Kami iaitu....menjadikan "Kuching sebagai sebuah Bandaraya Pilihan yang Berdayahuni dan dinamik" atau "Kuching, *A Vibrant Liveable City of Choice*".

3. Untuk makluman YAB Datuk Patinggi dan hadirin sekalian, Majlis Agenda yang diadakan secara berterusan sejak 3 tahun yang lalu bermula tahun 2012, adalah sebagai satu program DBKU bersama masyarakat yang menyajikan apa yang TELAH atau SEDANG dan AKAN DBKU lakukan dalam mentadbir Bandaraya Kuching dari masa ke semasa. Ianya merupakan satu program INFOTAINMENT yang menjadi platform untuk kita berkumpul, berhibur dan berkongsi maklumat bersama pihak Kerajaan, Swasta, NGO, wargakota dan juga komuniti setempat, yang telah sama-sama melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti DBKU.

4. Majlis Agenda 2015 ini yang berlangsung selama 3 hari bermula 9 hingga 11 Januari, akan diserikan dengan pelbagai aktiviti menarik yang sesuai untuk dimanfaatkan oleh semua peringkat masyarakat. Pada tahun ini, satu suntikan baru adalah program keagamaan yang berskala besar dan kian popular kebelakangan ini di Malaysia iaitu BandarayaKU Berselawat yang biasanya dikenali sebagai Malam Cinta Rasul, yang telah berlangsung pada malam tadi dengan Penceramah Jemputan yang tersohor dari Indonesia, Habib Jindan Bin Novel Bin Salim Jindan.
5. Program- program yang lain adalah Tayangan Wayang Agenda, yang akan diadakan pada malam ini dengan satu wayang popular dikalangan kanak-kanak iaitu FROZEN, Sukan & Rekreasi, Pentas Rakyat, Sembang Remaja, Ekspo Pameran (agensi Kerajaan, Korporat, NGO's & Komuniti), Pertandingan Kuiz (yang menawarkan hadiah utama sebuah motosikal Kawasaki yang bernilai RM30,000) dan banyak lagi.

Penglibatan pelbagai kaum dan budaya yang ditonjolkan dalam setiap aktiviti yang diadakan ini, mampu mengeratkan lagi hubungan silaturrahim dan kemesraan diantara kita semua tanpa mengira bangsa, pegangan keagamaan, maupun pangkat atau warna kulit. Saya percaya penganjuran Majlis Agenda DBKU ini boleh menjadi model pengukuhan perpaduan antara kita di Sarawak ini, Insya Allah.

**YAB Datuk Patinggi/Datin Patinggi/Tan Sri/Datuk-Datuk/Datin-Datin dan
Hadirin sekalian**

6. Agenda DBKU pada setiap tahun akan mempamerkan segala usaha yang telah kita jalankan untuk dan bersama komuniti. Antaranya yang paling menyerlah adalah seperti program Kitar Semula melalui program *3R Buy Back* dan program *Composting* menggunakan teknologi EM Bokashi yang telah memberi manfaat *Trash To Cash* kepada komuniti. Selain itu, DBKU bersama komuniti mengusahakan kawasan terbuka serta terbiar sebagai Kebun Komuniti atau *Community Farming* di mana usaha ini boleh meningkatkan ekonomi komuniti setempat.

DBKU Ronda dan DBKU Bantu melalui Pusat Khidmat 24 Jam pula sentiasa bersedia sedia menerima panggilan daripada wargakota dan membantu mereka tanpa mengira waktu. Sementara, melalui Sistem Zoning yang diterajui oleh 28 orang Pegawai Zon yang terdiri dari staf DBKU pula memudahkan DBKU dan masyarakat kampung berhubung dan berbincang secara lebih menjurus dalam menangani isu-isu setempat. Semua usaha ini merupakan agenda kami untuk mendekati wargakota Kuching agar kami sentiasa di hati masyarakat dan kehadiran kami dirasai . *We always want to be seen and felt by the community.*

7. Satu perkara lagi yang patut saya kongsi kepada semua adalah mengenai usaha DBKU memberi *Empowerment* kepada komuniti setempat untuk melakukan kerja-kerja kontrak bagi memperkasakan penglibatan komuniti selain menyemai semangat kepunyaan keatas kawasan yang diselenggara. Ianya telah bermula dengan kontrak Pembersihan Pasar Sungei Maong dan Pengutipan Sampah di Kampong Bako.

Dan yang terkini, bermula pada tahun 2015 ini, kontrak Kerja Pemotongan Rumput dan Pembersihan Parit bagi kawasan terpilih pula akan diserahkan kepada 3 komuniti Kejiranan Mesra yang terpilih iaitu Kampung Boyan Gersik & Surabaya (BGS), Kampung Bako dan Kampung Sungai Bedil sebagai *Pilot Project* hasil daripada projek *Key Focus Activity* (KFA) DBKU. Jika *Pilot Project* ini berjaya, Insya Allah ianya akan diteruskan ke kampung-kampung lain pada masa akan datang untuk tujuan yang sama selain menjana pendapatan atau ekonomi komuniti setempat.

**YAB Datuk Patiggi/ Datin Patinggi/ Tan Sri/ Datuk-Datuk /Datin-Datin dan
Hadirin sekalian**

8. Setiap Majlis Agenda DBKU mempunyai fokus yang berbeza pada setiap tahun. Bermula pada Tahun 2012 dengan *Capacity Building*, Tahun 2013 dengan *Citizens' Engagement* melalui pendekatan konsep 3P iaitu *Public, People and Private* dan Tahun 2014 DBKU sebagai *Driver, Facilitator and Advocate* dalam apa-apa jua perancangan yang membawa kebaikan dan kesejateraan kepada Bandaraya Kuching selain menekankan

konsep *DBKU CARES* dengan harapan kami boleh meningkatkan lagi kemesraan dengan semua wargakota Kuching.

9. Untuk tahun 2015, fokus Agenda DBKU ialah untuk memantapkan lagi penglibatan komuniti bersama kami dengan memberi penekanan kepada golongan REMAJA. Kebelakangan ini, masalah sosial yang melibatkan golongan remaja seperti penagihan dadah, melepak dan sebagainya kian meningkat. Sikap mereka yang terbentuk daripada aktiviti harian serta pengaruh disekeliling mereka sudah semakin tidak tersempadan. Dan sekiranya ia tidak ditangani dengan cara yang bijak nescaya ianya akan menjadi lebih teruk dan tidak dapat dikawal lagi.

Menyedari hakikat bahawa remaja perlu didekati secara berhemah dan diplomasi, maka DBKU ingin mendekati dan membawa mereka ke dalam aktiviti-aktiviti DBKU khususnya sebagai satu pasukan sukarela remaja kearah pembentukan rasa tanggungjawab serta rasa sayang kepada kemudahan awam, kebersihan, persekitaran dan apa-apa jua yang penting ke arah sebuah Bandaraya yang Cantik, Bersih dan Selamat.

10. Sebagai sebuah organisasi yang memberi perkhidmatan kepada rakyat, DBKU sentiasa peka dan serius dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya. Dan sebagai menyahut seruan YAB Ketua Menteri sendiri, DBKU juga pada tahun ini akan memberi penekanan kepada pemantapan dan pengekalan INTEGRITI dikalangan pegawai-pegawai kami iaitu INTEGRITI Sebagai Budaya Kerja Warga DBKU.

Integriti ini amat perlu disemaikan kepada setiap warga kerja DBKU kerana bentuk ancaman dari luar yang boleh merosakkan kewibawaan DBKU sudah semakin pelbagai. DBKU akan berusaha memperkasakan integriti kepada warga kerja kerana integriti merupakan pemangkin kepada perlakuan yang betul dan tulus ikhlas walaupun tiada siapa yang melihat.

11. Menyentuh mengenai Bandaraya Cantik, Bersih dan Selamat, DBKU pada tahun 2013 telah melancarkan pelan lima tahun yang dinamakan sebagai Pelan Penambahbaikan CBS Kuching (Pelan Penambahbaikan Cantik, Bersih, Selamat Kuching) iaitu dengan hasrat untuk menjadikan Bandaraya Kuching sebagai sebuah

bandaraya TERCATIK, TERBERSIH dan TERSELAMAT serta popular di rantau Asia pada tahun 2017 selain sebagai sebuah bandaraya yang mempunyai Jiwa (A City with a Soul).

12. Plan CBS ini adalah sealiran dengan apa yang diutarakan oleh Jan Gehl, seorang Urban Quality Consultant dari Copenhagen Denmark dalam bukunya **“Cities for People”**.

Quote: “There is also a change in paradigms around the world that what is wanted in cities NOW, are basically a lively, livable city that is safe, sustainable and healthy, and not the modernistic ideology of skyscrapers and infras. Many are advocating that human landscape is the key to better cities for people”.

Unquote: “ This is what we have always envision...ie...to make Kuching City with a Soul. Well...I am confident, with the support of every citizenry, we will be there, slowly but surely.”

13. Setelah 2 tahun berlalu, program-program yang dirancang bagi merealisasikan pelan tersebut telah, sedang dan akan dilaksanakan dari masa ke semasa dan secara berterusan sehingga tahun 2017. Adalah dijangka bahawa pelan tersebut dapat mencapai matlamatnya pada tahun 2017 dengan jayanya berdasarkan kepada komitmen dan kerjasama agensi Kerajaan, swasta, NGO serta penglibatan wargakota yang amat menggalakkan.

YAB Datuk Patinggi/ Datin Patinggi/ Tan Sri/ Datuk-Datuk /Datin-Datin dan Hadirin sekalian

14. Pada hari ini, iaitu sejajar dengan fokus pada tahun 2015 seperti yang telah disebutkan, kita akan melancarkan tiga perkara utama iaitu:

- RemajaKU (Remaja Kuching Utara) ... satu pasukan sukarela yang terdiri daripada remaja yang akan dibawa bersama dalam setiap aktiviti DBKU
- Pemakaian Lencana Integriti DBKU untuk Pegawai Penguatkuasa DBKU ... simbolik kepada INTEGRITI sebagai budaya kerja warga DBKU.

- *Orchid Coffee Table Book ...* hasil kolaborasi DBKU dan UITM mengenai koleksi orkid DBKU.

15. Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi sekalung penghargaan buat Tetamu Terhormat kita di atas kesudian hadir ke majlis pagi ini. Kehadiran YAB Datuk Patinggi Tan Sri serta YABhg. Datin Patinggi Dato amat bermakna kepada kami.

16. Dengan kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua yang terlibat – agensi kerajaan, swasta, NGO dan para penaja yang telah turut serta dalam menjayakan Majlis Agenda DBKU 2015, semua media cetak dan elektronik yang sentiasa memberi kerjasama menghebahkan aktiviti DBKU. Harapan saya kerjasama seperti ini dapat kita kekalkan secara berterusan di masa-masa akan datang.

Sekian, Wabillahitaufiq Walhidayah Wassalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh